KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## AHAD, 30 JULAI 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

*World Communications*

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



30/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **PERKASA PERANAN WANITA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/setempat/2023/07/992988/perkasa-peranan-wanita | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **PROGRAM TANGAN-TANGAN TERER BANTU PERKASA WANITA B40 KEJAR IMPIAN KEUSAHAWANAN** | |
| | https://www.getaran.my/artikel/gaya/50866/program-tangan-tangan-terer-bantu-memperkasakan-wanita-b40-mengejar-impian-keusahawanan | GETARAN.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **'BUKAN LEPAS TANGAN, TAPI SALAH FAHAM'** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/993304/bukan-lepas-tangan-tapi-salah-faham | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK MAMPU MILIK BANTU IBU TUNGGAL KEMBALI BEKERJA** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1132796/pusat-jagaan-kanak-kanak-mampu-milik-bantu-ibu-tunggal-kembali | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **SITI RAHANIM CARI IBU KANDUNG ABDUL HANNAN** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/siti-rahanim-cari-ibu-kandung-abdul-hannan/ | UTUSAN.COM.MY |

30/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **POLIS KESAN LELAKI MELAKUKAN GANGGUAN SEKSUAL DI STESEN LRT MALURI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/993117/polis-kesan-lelaki-melakukan-gangguan-seksual-di-stesen-lrt-maluri | HMETRO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/29/lelaki-peluk-wanita-turun-landasan-kereta-api-dipercayai-alami-masalah-mental/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/29/lelaki-peluk-wanita-berdiri-atas-landasan-di-lrt-maluri/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/lelaki-cabul-wanita-di-lrt-maluri-diburu-polis/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rapid-rail-pdrm-buru-lelaki-cabul-wanita-ceroboh-trek-stesen-lrt-maluri-430281 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/29/polis-buru-lelaki-cabul-wanita-di-lrt-maluri/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=oLNngrmYNwM | YOUTUBE |
| | https://www.malaysiakini.com/news/673652 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/bekerjasama-buru-lelaki-cabul-wanita-di-stesen-maluri-x8mv0br | ASTROAWANI.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/29/polis-buru-lelaki-peluk-wanita-di-stesen-lrt-taman-maluri/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **WANITA CEDERA DITIMPA DRON PERTANIAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/993198/wanita-cedera-ditimpa-dron-pertanian | HMETRO.COM.MY |

30/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **WANITA TEBUS JANJI TAMATKAN PENGAJIAN SELEPAS LEBIH 10 TAHUN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/29/wanita-tebus-janji-tamatkan-pengajian-selepas-lebih-10-tahun/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **KANAK-KANAK 10 TAHUN HILANG DI PANTAI SENANGIN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/993355/kanak-kanak-10-tahun-hilang-di-pantai-senangin | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/270886/berita/semasa/kanak-kanak-10-tahun-hilang-di-pantai-teluk-senangin | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/29/kanak-kanak-hilang-ketika-mandi-di-teluk-senangin/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/kanak-kanak-10-tahun-hilang-ketika-mandi-di-teluk-senangin/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-usia-10-tahun-hilang-di-pantai-teluk-senangin-430355 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/29/budak-10-tahun-hilang-di-teluk-senangin/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **IBU BAPA PERLU SEDAR HAK KANAK-KANAK: UMS** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/29/ibu-bapa-perlu-sedar-hak-kanak-kanak-ums | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **JDT TUNAI HASRAT KANAK-KANAK JANTUNG KRONIK** | |
| | https://www.hmetro.com.my/arena/bola-sepak/2023/07/993236/jdt-tunai-hasrat-kanak-kanak-jantung-kronik | HMETRO.COM.MY |

30/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **MARITIM TERBANGKAN BAYI PNEUMONIA BARU LAHIR KE HTAA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/270782/berita/semasa/maritim-terbangkan-bayi-pneumonia-baru-lahir-ke-htaa | SIANRHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **WARGA EMAS HILANG KETIKA CARI UMBUT DI ULU NUNGGANG DITEMUI SELAMAT** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/29/warga-emas-hilang-ketika-cari-umbut-di-ulu-nunggang-ditemui-selamat | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **WARGA EMAS MAUT DITINDIH JENTOLAK** | |
| | https://www.dailyexpress.com.my/news/217099/warga-emas-maut-ditindih-jentolak/ | DAILYEXPRESS.COM |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS BURU LELAKI CUBA CABUL WANITA DI STESEN LRT | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 30 JUL 2023 | M/SURAT | : | 31 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Polis buru lelaki cuba cabul wanita di stesen LRT

**Kuala Lumpur:** Rapid Rail Sdn Bhd (Rapid Rail) bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memburu seorang lelaki disyaki mengalami gangguan mental yang bertindak agresif menceroboh landasan Transit Aliran Ringan (LRT) dan cuba mencabul seorang penumpang wanita di Stesen LRT Maluri, semalam.

Rapid Rail dalam kenyataan, memaklumkan kejadian dilaporkan jam 7.58 pagi membabitkan seorang lelaki bertindak melulu menceroboh landasan LRT menerusi platform 1 ke platform 2.

"Suspek kemudian cuba mencabul seorang wanita yang sedang menunggu tren di platform itu.

"Ketika kejadian, anggota polis bantuan yang sedang bertugas di platform bertentangan bergegas turun ke bahagian bawah untuk ke platform tempat kejadian bagi memberikan bantuan kepada mangsa yang sedang bergelut dengan suspek," katanya.

Menurut kenyataan itu, orang awam yang berada di tempat kejadian berjaya membantu meleraikan mangsa daripada suspek, namun gagal memberkasnya kerana suspek bertindak agresif.

"Suspek kemudian menceroboh landasan dan mengetuk dinding tren yang kebetulan sedang berhenti di stesen. Bagaimanapun, suspek berjaya meloloskan diri daripada stesen berkenaan jam 8.05 pagi.

"Mangsa dan saksi dibawa oleh anggota polis ke balai polis bagi tindakan selanjutnya," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Zam Halim Jamaluddin, berkata pihak polis membuka satu kertas siasatan berhubung kejadian berkenaan dan siasatan lanjut sedang dilakukan bagi mengenal pasti suspek.

Katanya, kira-kira jam 9 pagi kelmarin polis mengesan satu rakaman video berdurasi satu minit 10 saat di aplikasi Twitter dimuat naik oleh pemilik akaun 'localrkyt'.

"Rakaman itu memaparkan seorang lelaki melakukan gangguan seksual terhadap seorang wanita di platform LRT, Stesen Maluri, Cheras.

"Hasil semakan mendapati, pada jam 8.49 pagi semalam (kelmarin) polis menerima satu laporan daripada seorang wanita warga tempatan berusia 27 tahun susulan kejadian gangguan seksual itu.

"Polis menasihatkan orang ramai supaya tidak membuat sebarang spekulasi, andaian atau pendapat yang boleh menimbulkan kekeliruan, kegusaran dan ketenteraman awam," katanya.

Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai lelaki itu boleh memaklumkan kepada pihak polis di talian Hotline Polis Cheras di talian 03-9284 5050/5051, Hotline Polis Kuala Lumpur di talian 03-2115 9999 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.

TAJUK : 'KAMI DIARAH AGAR BERPINDAH'

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 30 JUL 2023

M/SURAT : 21

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

# 'KAMI DIARAH AGAR BERPINDAH'

## *Keluarga yang tinggal di khemah sejak empat bulan lalu bakal ditempatkan di rumah sewa*

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

**Muar**

Sembilan beranak di Kampung Parit Mislam, Sungai Balang di sini yang tinggal dalam khemah sejak empat bulan lalu akan ditempatkan sementara di rumah sewa.

Mohd Kamal Rosdi, 47, berkata, mereka diminta berpindah ke rumah sewa bagi membolehkan keluarganya menerima rumah baharu yang akan dibina dalam masa terdekat.

"Kami akur arahan supaya pindah," katanya ditemui, semalam.

Untuk rekod, kediaman pusaka dihuni mereka terbakar pada 15 April lalu.

Kelmarin, Harian Metro melaporkan Mohd Kamal bersama bapa, Mashuri Mislam, 68, dan ibu, Maskonah Dahlan, 68, isteri serta lima anak berusia lapan hingga 21 tahun, terpaksa berteduh dalam khemah.



KELUARGA Mohd Kamal memilih tinggal di khemah daripada terima tawaran penyewaan sebuah rumah yang ditanggung sepenuhnya oleh Baitulmal selepas rumah mereka terbakar pada 15 April lalu.

Keluarga terbabit dikatakan masih belum mendapat rumah baharu seperti dijanjikan menyebabkan mereka tiada pilihan selain berlindung di dalam khemah itu.

"Saya diarahkan pindah, kalau tidak rumah tak dapat. Syukur ada rumah kosong sekali gus membolehkan kami berteduh sementara rumah baharu dibina. "Saya ucap terima kasih kepada semua termasuk Harian Metro kerana sudi berkongsi kisah kami sekeluarga hingga mendapat perhatian pelbagai pihak," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Muar Syed Saddiq Syed Abd Rahman berkata, keluarga terbabit bersetuju untuk berpindah sementara menunggu rumah baharu siap.

"Saya bersama pasukan Pusat Khidmat Parlimen Muar sudah melawat dan menyampaikan bantuan wang kecemasan pada 16 April lalu. Ada beberapa pihak tawar untuk tinggal di tempat mereka dan ada rumah sewa, tetapi mangsa memilih untuk tinggal di dalam khemah," katanya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

TAJUK : DAH SALAH MAKI HAMUN PULA!

HARI : AHAD | AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 30 JUL 2023 | M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF | SEKTOR : KPWKM

# DAH SALAH MAKI HAMUN PULA!

***Model wanita tak puas hati disaman guna alat komunikasi dan tidak memakai tali pinggang ketika memandu***

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Seorang model wanita mengamuk dan menghambur kata-kata kesat akibat tidak berpuas hati disaman anggota polis kerana menggunakan alat komunikasi dan tidak memakai tali pinggang semasa memandu.

Difahamkan, wanita berusia 30-an terbabit bagaimanapun ditahan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields untuk siasatan selepas bertindak kurang ajar di Jalan Tun Sambanthan di sini.

Bagaimanapun, dia dibebaskan dengan jaminan polis sebaik selesai memberi keterangan.

Terdahulu, tular di media sosial satu rakaman video menunjukkan seorang wanita melakukan provokasi dan menjerit kata-kata kesat kepada dua anggota polis yang sedang bertugas.



VIDEO tular di media sosial menunjukkan seorang wanita melakukan provokasi dan menjerit kata-kata kesat kepada dua anggota polis sedang bertugas.

Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Amihizam Abdul Shukor dilaporkan berkata, siasatan mendapati suspek tidak puas hati kerana disaman dengan kesalahan memandu menggunakan alat komunikasi dan tidak memakai tali pinggang semasa memandu.

Beliau dipetik berkata, kejadian provokasi itu dikatakan berlaku pada jam 3.40 petang Isnin lalu.

Sehingga kini, video terbabit masih boleh diakses serta mempunyai 274 perkongsian di Facebook dan 5,414 perkongsian di Tiktok selain dikhuatiri boleh menjatuhkan imej Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Kes disiasat mengikut Seksyen 186 Kanun Keseksaan, Seksyen 14 Akta Kesalahan Kecil serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Sehingga kini, video terbabit masih boleh diakses serta mempunyai 274 perkongsian di Facebook dan 5,414 perkongsian di Tiktok selain dikhuatiri boleh menjatuhkan imej PDRM.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MUDA-MUDA DAH JADI TAUKE SENDIRI | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 30 JUL 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# MUDA-MUDA DAH JADI TAUKE SENDIRI

*Produk penjagaan kulit dihasilkan dua beradik menangi pelbagai anugerah, pengiktirafan*




NUR Fathini Khalillah (kanan) dan Nur Fathin Zulaikha menunjukkan anugerah dan trofi yang dimenangi mereka. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR ABD RAHIM

**Oleh Redzuan Muharam**
redzuan.muharam@hmetro.com.my

**Ampang**

Ketika rata-rata gadis seusianya masih memburu peluang kerjaya, dua beradik, Nur Fathini Khalillah Sabri, 22, dan Nur Fathin Zulaikha Sabri, 25, sebaliknya memiliki empayar perniagaan sendiri.

Meskipun masih muda, Nur Fathin Zulaikha dan Nur Fathini Khalillah sanggup mengambil risiko untung rugi dalam perniagaan selain menjadikan diri mereka sebagai 'bahan uji kaji' terhadap produk penjagaan kulit dipasarkan.

Percubaan dua beradik itu ternyata tidak sia-sia apabila syarikat diusahakan mendapat pengiktirafan dengan memenangi pelbagai anugerah.

Berkongsi latar belakang, Nur Fathin Zulaikha berkata, dia memiliki lesen penyelenggaraan kapal udara diiktiraf Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan pernah dua tahun bekerja dalam bidang kejuruteraan penerbangan.

Bagaimanapun, penyakit ketumbuhan dalam rahim dihidapi memaksa dia berhenti walaupun meraih pendapatan bulanan mencecah hampir lima angka.

"Skop kerja saya sebelum ini adalah memeriksa keadaan pesawat sebelum menurunkan tandatangan bagi memberi kebenaran berlepas.

"Lapangan terbang itu adalah gelanggang saya bekerja dan kerap terdedah kepada pelbagai kotoran.

"Mengambil kira faktor kesihatan jangka panjang, saya berhenti dan mengusahakan perniagaan bersama adik," katanya.

Sementara itu, adiknya, Nur Fathini Khalillah mengakui cenderung dan meminati bidang perniagaan.

Nini yang baru menamatkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (IT) dan Perniagaan Antarabangsa bulan lalu berkata, dia sering mengikut ibu, Marshirah Omar, 54, ke seminar keusahawanan dan menjadi peserta termuda dalam program diadakan.

"Melihat minat saya, ibu beri galakan dan bimbingan. Alhamdulillah, minat itu mendorong kami keluarkan produk stik pelindung matahari.

"Idea itu tercetus selepas melihat ibu yang mengalami masalah pigmentasi kulit iaitu melasma kerana banyak terdedah kepada matahari sewaktu kami sekeluarga terbabit aktiviti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di luar negara satu ketika dulu," katanya.

Menurut Nini, dia dan kakaknya mengambil masa tiga tahun bagi menghasilkan produk itu bermula dengan kajian sejak 2019.

"Kami merujuk produk ini kepada lima ahli kimia kosmetik bagi mendapatkan formulasi terbaik. Matlamat kami mahu mengembangkan produk ini ke pasaran luar negara bermula di rantau Asia," katanya.

NUR Fathini Khalillah



**"Kami merujuk produk ini kepada lima ahli kimia kosmetik bagi mendapatkan formulasi terbaik. Matlamat kami mahu mengembangkan produk ini ke pasaran luar negara bermula di rantau Asia"**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS BURU LELAKI GANGGU WANITA DI LRT MALURI | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 30 JUL 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Polis buru lelaki ganggu wanita di LRT Maluri

**Cheras:** Polis sedang memburu seorang lelaki yang dikesan melakukan gangguan seksual terhadap wanita di stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Maluri di sini.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Zam Halim Jamaluddin berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu pada jam 8.49 pagi kelmarin.

"Mangsa yang juga wanita berusia 27 tahun membuat laporan polis di Balai Polis Cheras. Susulan itu polis berusaha mengesan suspek terbabit.

"Polis membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan. Polis menasihatkan orang ramai supaya tidak membuat sebarang spekulasi, andaian atau pendapat yang boleh menimbulkan kekeliruan, kegusaran serta ketenteraman awam," katanya.

Menurutnya, orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian itu boleh menyalurkan kepada Hotline Polis Cheras di talian 03-9284 5050/ 5051, Hotline Polis Kuala Lumpur di talian 03-2115 9999 atau Balai Polis berdekatan.

Terdahulu, tular video memaparkan tindakan lelaki melakukan gangguan seksual terhadap wanita di stesen LRT.



ORANG ramai membantu wanita dipeluk suspek di Stesen LRT Maluri.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TELAN PIL GUGUR JANIN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 30 JUL 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



PEGAWAI Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang, Mohd Azizi Hasdi bertemu dengan Ida yang kini sedang menjalani hukuman kerja khidmat masyarakat. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

# TELAN PIL GUGUR JANIN

## *Gadis terlanjur reda dijatuhi hukuman kerja khidmat masyarakat selama 120 jam*

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my
Foto Mohd Rafi Mamat

**Kuantan**

"Saya begitu menyesal dengan perbuatan lalu, malah berjanji pada diri sendiri tidak akan mengulangi episod hitam, sekali gus menjadi pengajaran berguna dalam hidup."

Begitu kata Ida, 18, (bukan nama sebenar) yang menggugurkan kandungan berusia lima minggu pada Februari lalu dengan menelan pil dibeli secara dalam talian atas desakan kekasihnya kerana mengandung hasil hubungan terlarang mereka.

Anak bongsu daripada tiga beradik itu berkata, kehidupan bebas bersama teman lelaki berusia 22 tahun menjadi faktor dia sanggup menyerahkan mahkota diri dengan kepada insan yang dilabel sebagai kekasih.

"Terlalu ikutkan jiwa muda akhirnya saya terlanjur bersama teman lelaki yang berjanji untuk membina mahligai bahagia namun akhirnya janji tinggal janji apabila saya mengandung.

> *Secara ikhlas saya tidak sanggup untuk menggugurkan kandungan, namun kerana diugut oleh lelaki berkenaan menyebabkan saya bertindak berani walaupun mengetahui dosa dan akibat yang akan ditanggung"*
>
> **Ida**

"Secara ikhlas saya tidak sanggup untuk menggugurkan kandungan namun kerana diugut oleh lelaki berkenaan menyebabkan saya bertindak berani walaupun mengetahui dosa dan akibat yang akan ditanggung.

"Saya amat sedih kerana bukan sahaja terlanjur, malah turut bertindak menggugurkan janin yang tidak berdosa," katanya ketika ditemui di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuantan di sini, kelmarin.

Menurutnya, mahkamah menjatuhkan hukuman kerja khidmat masyarakat selama 120 jam di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang selepas mereka ditahan pihak berkuasa.

"Nasi sudah menjadi bubur...menyesal tidak berguna lagi apabila perbuatan sumbang telah tersebar dan hukuman yang dijatuhkan perlu dilalui dengan reda.

"Episod hitam yang memalukan keluarga ini mungkin tidak berlaku sekiranya saya menjaga batasan. Kami lupa pada dosa setiap kali melakukan perbuatan yang dilarang agama," katanya.

Katanya, program khidmat masyarakat termasuk sesi kaunseling yang disertai memberi keinsafan dalam dirinya, sekali gus menambah semangat untuk meneruskan kehidupan yang tercalar sebelum ini.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CARE-ECONOMY INITIATIVES GIVES SINGLE MUMS CHANCE TO WORK | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 30 JUL 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

RE-ENTERING WORKFORCE

# Care-Economy initiative gives single mums chance to work

**MELAKA:** The government's move to provide a conducive environment for the setting up of affordable childcare centres through the Care-Economy initiative will help housewives, especially single mothers, to re-enter the workforce.

In facilitating the licensing of unregistered nurseries and childcare centres nationwide, the initiative could address systemic issues, such as unpaid care work, gender discrimination and family-support policies.

Melaka Single Mothers' Association chairman Banun Mat Lazim said housewives, especially those widowed at a young age, faced various challenges and were often at a loss on whether they should go out to work, or stay home to look after their children.

"If they choose to stay home to take care of their children, they will not be able to earn a regular income, forcing them to depend on related government agencies or parties to make ends meet.

"However, if they are employed, they will still need to bear the expensive fees for childcare, and this would be burdensome if they have two or more children" she said yesterday.

As such, Banun said the government's initiative to introduce affordable childcare centres would ease the burden of those struggling to cope after the death of a spouse or breadwinner.

"The children will be in a safer place when their mother goes out to work, and the mothers will also feel more at ease.

"This is a great initiative launched by the government to help the needy, thus encouraging and increasing women's independence and participation in the labour force," she said.

State Women's Affairs, Family Development and Welfare Committee chairman Datuk Kalsom Nordin said as many as 18 nurseries in the state were undergoing the legalisation process.

Among the criteria set was to comply with the conditions outlined by the Social Welfare Department (JKM), the Malaysian Fire and Rescue Department (JBPM), the state Health Department and local authorities (PBT).

"JBPM, the Health Department and local authorities will conduct a comprehensive inspection, especially on the safety and hygiene of the premises," she said.

National Council of Women's Organisations (NCWO) president Professor Emerita Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan said the organisation was pleased with the emphasis on Care Economy and social protection, which could help in reducing the unpaid burden of care, which inordinately fell on women.

"The demand for services in childcare, elderly care, care for people with disabilities, care for children with special needs, in particular autism, which is on the rise, mental health, personal social and domestic services is increasing with the ageing population and migration of young people away from home.

"Public spending on long-term care against gross domestic product would not be sustainable if the burden of care is not shared with the non-governmental sector and private enterprises."

She said NCWO was committed to promoting the growth of the Care Economy nationwide, which had the potential to attract investments and create jobs, especially for the B40 group, women and youths, thus reducing the dependency on low-skilled foreign workers. **Bernama**

TAJUK : COPS PROBING ALLEGED MOLEST ATTEMPT

HARI : AHAD

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

TARIKH : 30 JUL 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

LRT PLATFORM INCIDENT

# COPS PROBING ALLEGED MOLEST ATTEMPT

## Commuters help free woman from clutches of suspect at Maluri platform

FARAH SOLHI
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my



*Screengrabs of a video showing the incident at the Maluri LRT station in Kuala Lumpur on Friday.*

A MAN who is believed to be mentally ill allegedly encroached on the Light Rail Transit (LRT) track at the Maluri station and tried to molest a woman on Friday.

Rapid Rail Sdn Bhd said the incident took place before 8am.

"The suspect had attempted to molest a woman who was waiting for a train at the platform.

"Auxiliary police on duty at the opposite platform rushed to assist the victim.

"Members of the public separated the victim from the suspect. But they were unable to restrain the suspect as he was aggressive.

"The suspect then encroached on the track and banged on the side of a train that was waiting at the station. The suspect fled the station at 8.05am."

Rapid Rail said police brought the victim and eyewitnesses to a police station for further action.

It said auxiliary police were assisting police with investigations to track down the suspect.

"Rapid Rail regrets the incident. Swift action has been taken to heighten safety measures by adding more auxiliary police at the station to prevent a recurrence of the incident."

A one-minute long video of the incident made its rounds on social media on Friday.

On Twitter, a woman claiming to be the victim issued a public plea for the video not to be shared, citing trauma as well as the ongoing investigation.

Cheras district police chief Assistant Commissioner Zam Halim Jamaluddin said the victim lodged a report on Friday.

"Police received a report from a 27-year-old Malaysian woman on July 28 at 8.49am on the incident. An investigation paper has been opened under Section 354 of the Penal Code.

"Investigations are ongoing to identify the suspect."

He urged those with information on the suspect to contact the Cheras police hotline at 03-9284 5050/5051, the Kuala Lumpur police hotline at 03-2115 9999 or go to the nearest police station.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MODEL WHO INSULTED TRAFFIC POLICEMEN OUT ON BAIL | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 30 JUL 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

'OBSTRUCTION OF DUTY'

# Model who insulted traffic policemen out on bail



*A screengrab of the video of the incident in Brickfields, Kuala Lumpur, on Monday.*

**KUALA LUMPUR:** A model who allegedly insulted two policemen for issuing her a traffic summons has been released on police bail.

Police said the woman's statement was recorded after she was brought in for questioning.

On Thursday, police spotted a 40-second clip on TikTok of the incident involving the model and social media influencer.

In the clip, the woman lost her cool at two policemen who confronted her for not wearing a seatbelt and using a mobile phone while driving in Brickfields here.

The *New Sunday Times* learnt that the woman was detained at her house and brought to the Brickfields district police headquarters to record her statement.

Brickfields district police chief Assistant Commissioner Amihizam Abdul Shukor said the case was being investigated for obstructing civil servants from carrying out their duty and for offensive online content intended to threaten or harass another person.

"The provocation happened on Monday about 3.40pm.

"The video is still accessible on TikTok. It has 274 shares on Facebook and 5,414 shares on TikTok.

"We are concerned that the video on social media will affect the image of the police."

Checks by the NST found that the 40-second video clip, which was widely shared on TikTok and Facebook, was not recorded or uploaded by the suspect, but by TikTok user @chellom01.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CHUMBAKA WAY TO DEVELOP CHILDREN'S LIFE SKILLS | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | SUNDAY STAR |
| TARIKH | : | 30 JUL 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Chumbaka way to develop children's life skills

## Social enterprise aims to ignite the passion for learning in kids



**Hands-on training:** Orang Asli children at a Chumbaka CSR programme conducted at SMK Tembangau, Pahang, earlier this year.

By GERARD GIMINO
gerard.gimino@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** When Choo Wai Heng and Dr Teoh Chin Soon founded a training organisation focusing on providing training to engineers in the electrical and electronics industry in 2002, they noticed one aspect that stuck out like a sore thumb.

Many engineering graduates seemed to be having difficulties in answering fundamental science questions.

Despite possessing high grades, the graduates were not motivated to learn.

Realising this, both Choo and Dr Teoh started hands-on science workshops for children.

Concurrently, Teach for Malaysia fellows Nigel Sim and Chong Zhi Xiong noticed the exact problems at schools they were teaching where they too decided to adopt project-based learning in their classrooms.

As fate would have it, the quartet then crossed paths in 2014, with discussions leading to the birth of Chumbaka.

Having officially started in 2016, the social enterprise has since expanded from its first chapter in Cyberjaya to nine across major cities in Malaysia.

In addition, the social enterprise also made its way into Singapore, Thailand and Australia.

At present, Chumbaka has successfully reached over 1,000 schools, benefiting more than 1,500 teachers and 5,000 students across the country.

Chong, who is now Chumbaka's chief technology officer, said the social enterprise aimed to develop children's life skills through technology and innovation enrichment programmes.

"We help students learn through open-source technologies, covering domains such as coding, programming, electronics, app development, Artificial Intelligence (AI), Internet of Things (IoT), Augmented Reality (AR) and Virtual Reality (VR), among others.

"We aspire to reignite all children's passion for learning. Technology was chosen as the learning subject as today's learners need to be more technologically fluent to thrive in the current technology-rich world," he said.

Chong added that there were free and paid programmes tailored for students, educators, schools and communities.

Chumbaka also works closely with teachers through professional training and capacity building, to enable them to empower schools with up-to-date technology content relevant to the Fourth Industrial Revolution (IR4.0), he said.

Its vision, Chong said, was to implement a 'Go Deep' approach in 100 schools across Malaysia by 2025.

"We want to provide comprehensive technology and innovation education for all students, not only beyond but also within schooling hours.

"Our goal is to ensure that 50% of these schools come from underprivileged communities with funding secured through grants and our own initiatives.

"Simultaneously, the remaining 50% will actively contribute to the financial sustainability of Chumbaka's operations," he said.

As a social enterprise, Chong said Chumbaka is committed to keeping costs low through using open-source software and hardware to ensure their content was affordable and accessible to all children in the country.

"Educational content is offered to private and international schools. In alignment with our social commitment, the same high-quality content and capacity building opportunities are extended to teachers from public school.

"We are also working closely with other organisations to bring tech education to students in need," he added.

Chong said ultimately, Chumbaka was about integrating human values and life skills in students' courses through project-based learning.

"Our students are always given real-world problems to solve, to help them develop problem-solving skills and learn to work collaboratively.

"In addition to technical skills, students can develop teamwork, communication skills and critical thinking through public showcases and peer-learning environments.

"These are essential for success in today's world but are not usually taught in traditional classrooms," he said.

Star GOLDEN HEARTS AWARD
Supported by: Yayasan GAMUDA
SMALL STEPS
Big Impact
Nominate **individuals** or **organisations** who have made a positive impact on society.
Ten winners will be selected, and also be in the running for the coveted **Gamuda Inspiration Award** with minimum **RM50,000** grant.
Tell us at **sgha.com.my**
Nomination closes July 31, 2023.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JOHOR BARU BEFRIENDERS LOOKING FOR VOLUNTEERS | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | SUNDAY STAR |
| TARIKH | : | 30 JUL 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Johor Baru Befrienders looking for volunteers

By **ZAZALI MUSA**
newsdesk@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** The Befrienders here is hoping to get at least 30 new volunteers this year to field calls to the centre.

Johor Baru Befrienders president Danny Loo said 60% of its existing 60 volunteers are women.

"They have been with us for many years," he said.

Loo said most of them are retirees aged 60 years or above and previously worked as nurses, teachers, human resource managers or senior management staff.

He said besides retirees, there are also working adults aged between 30 and 60 who spend three hours weekly at the association taking calls from those suffering from mental health issues such as anxiety and depression.

"It's always a challenge for us to get volunteers and we are hoping to get at least 30 more new volunteers this year," said Loo, adding that new volunteers will have to undergo a 10-week training.

However, the dropout rate among the trainees is rather high.

"Out of 20 new volunteers attending the training, half will quit halfway through," he said.

On being a volunteer at Befrienders, Loo said the candidate has to have passion and patience. They must not be judgemental or emotional apart from being willing to listen to anonymous callers.

He said on average, they receive 500 calls monthly compared with 800 during the Covid-19 pandemic when many Malaysians were out of jobs and facing difficulties during the health crisis.

Johor Baru Befrienders, said Loo, is also focusing on outreach programmes by setting up booths at government and private hospitals, tertiary institutions and schools here.

He said the association is also looking to raise RM150,000 to build a training room to teach public listening skills and stress management for free.

He said an annual dinner will be held on Aug 4, with a table going for RM1,500 or RM2,000 each.

Johor Baru Befrienders can be reached at 07-267 0707.